

17/08/1997

Exco bincang kenyataan mufti

KLANG: Kerajaan Selangor akan membincangkan kenyataan Mufti Selangor, Datuk Ishak Baharom, yang dikatakan menyinggung perasaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam mesyuarat mingguan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco).

Usul itu akan dibawa Ahli Exco yang juga Timbalan Pengerusi Hal Ehwal Agama Islam Selangor, Datuk Zainal Abidin Ahmad.

Zainal berkata, isu itu wajar dibincangkan dalam mesyuarat Exco dan terpulang kepada kerajaan negeri untuk menentukan tindakan yang perlu diambil.

Menurut Zainal, Mufti Selangor juga perlu menjelaskan kepada Perdana Menteri maksud yang tersirat dalam kenyataannya berhubung isu murtad itu, "katanya di sini, semalam.

(END)